

Competence Gap of Board Members Cooperatives in Malaysia

Rosmalina Che Yakzam^{1*}, Norfaezah Mahmood², Nor Irzaq Nor Hamid³, Azianti Ismail⁴, Adila Hashim⁵, Siti Nuraini Abu Bakar⁶, Nur Yazira Hamsan⁷

^{1,2,3,5,6,7} Cooperative Institute of Malaysia, Selangor, Malaysia

⁴Smart Manufacturing Institute, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, Malaysia

*corresponding author: rosmalina@ikma.edu.my

ABSTRACT

ARTICLE HISTORY

Received:

24 July 2023

Accepted:

22 August 2023

Published:

26 September 2023

KEYWORDS

Cooperative

Competence Gap

Competency Empowerment

Organizational Performance

The National Entrepreneurship Policy (NEP2030) aims to contribute RM100 billion in cooperative revenue by the year 2030. This can be seen because cooperatives play an important role in contributing to the economic development of Malaysia. However, the effectiveness of cooperatives depends on the competence of Cooperative Board Members (CBM) in carrying out their duties and responsibilities as catalysts in the cooperative movement. Nevertheless, research on the current competence gap in CBM is still lacking. Competence gap among CBM is often an obstacle in achieving excellent performance. The approach of this study can help CBM to build personal competence and can be used as an effort to improve organizational performance through competency empowerment. Accordingly, this study aims to identify current CBM competency gaps based on 44 competency items and five task areas. By using quantitative research methods, questionnaires were distributed to 420 people from 14 states in Malaysia. The research data collected was analysed using the Rasch Measurement Model with Winstep 5.2.20. The results of the analysis show that the most difficult item for CBM to implement is conducting business activities through digital channels. The study also found that financial management is the most difficult task for CBM. The results of this study provide important implications for agencies related to cooperatives, such as the Malaysian Cooperative Societies Commission (MCSC), and the Cooperative Institute of Malaysia (CIM), so that they can provide appropriate training and guidance and focus on the cooperative movement.

e-ISSN 2600-7274

© 2023 The Author(s). Published by Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

This open access article is distributed under a Creative Commons Attribution-Non-commercial 4.0 International (CC BY-NC 4.0) license.

<https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>



Jurang Kompetensi Anggota Lembaga Koperasi di Malaysia

Rosmalina Che Yakzam^{1*}, Norfaezah Mahmood², Nor Irzaq Nor Hamid³, Azianti Ismail⁴, Adila Hashim⁵, Siti Nuraini Abu Bakar⁶, Nur Yazira Hamsan⁷

^{1,2,3,5,6,7}Institut Koperasi Malaysia, Selangor, Malaysia

⁴Institut Penyelidikan Pembuatan Pintar, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor, Malaysia

*corresponding author: ¹rosmalina@ikma.edu.my

ABSTRAK

SEJARAH ARTIKEL

Received:

24 Julai 2023

Accepted:

22 Ogos 2023

Published:

26 September 2023

KATA KUNCI

Koperasi

Jurang Kompetensi

Pemeriksaan Kompetensi

Prestasi Organisasi

Dasar Keusahawanan Negara (DKN2030) menasaskan sumbangan perolehan koperasi sebanyak RM100 bilion menjelang tahun 2030. Hal ini dapat dilihat kerana koperasi memainkan peranan penting dalam menyumbang pembangunan ekonomi negara Malaysia. Walau bagaimanapun, keberkesanan koperasi bergantung kepada kompetensi Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pemangkin dalam gerakan koperasi. Namun, penelitian penyelidikan berkenaan jurang kompetensi semasa ALK masih kurang. Jurang kompetensi di kalangan ALK sering kali menjadi halangan dalam mencapai prestasi yang cemerlang. Pendekatan kajian ini dapat membantu ALK untuk membina kompetensi diri serta boleh dijadikan usaha dalam menambah baik prestasi organisasi melalui pemerikasaan kompetensi. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jurang kompetensi ALK semasa berdasarkan 44 item kompetensi dan lima bidang tugas. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif, soal selidik telah diedarkan sebanyak 420 dari 14 negeri di Malaysia. Data kajian yang dikumpulkan serta dianalisis menggunakan Model Pengukuran Rasch dengan Winstep 5.2.20. Hasil analisis menunjukkan item paling sukar dilaksanakan oleh ALK adalah menjalankan aktiviti perniagaan melalui saluran digital (item ES1). Kajian juga mendapati pengurusan kewangan merupakan bidang tugas yang paling sukar bagi ALK. Hasil kajian ini memberikan implikasi penting kepada agensi yang berkaitan koperasi seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) supaya dapat menyediakan latihan dan bimbingan yang bersesuaian dan berfokus kepada gerakan koperasi.

e-ISSN 2600-7274

© 2023 The Author(s). Published by Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

This open access article is distributed under a Creative Commons Attribution-Non-commercial 4.0 International (CC BY-NC 4.0) license.

<https://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>



1. PENGENALAN

Sektor koperasi merupakan sektor yang amat penting selaras dengan Dasar Keusahawanan Negara (DKN2030) yang menyasarkan sumbangan perolehan koperasi sebanyak RM100 billion menjelang tahun 2030. Sehingga tahun 2022, statistik koperasi merekodkan sebanyak 15,315 buah koperasi yang telah didaftarkan. Keanggotaan koperasi meningkat sebanyak 7.31 juta orang anggota, modal syer dan yuran berjumlah RM 16.98 billion, aset bernilai RM 159.61 billion dan pencapaian perolehan sektor koperasi adalah sebanyak RM 45.50 billion (Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), 2022). Justeru, sektor koperasi perlu memainkan peranan penting dalam peningkatan perolehan dan juga pemangkin ekonomi negara. Semua koperasi yang berdaftar harus lebih aktif, progresif, dan berdaya saing serta mempunyai keupayaan untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Kerajaan memandangkan sektor ini ditinggalkan dengan tempoh masa yang terhad untuk mencapai sasaran DKN2030 (Kawi, 2020). Kompetensi yang mantap amat perlu bagi melahirkan ALK yang dapat melaksanakan tugas dan peranan dengan baik di koperasi. Perolehan merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk mengukur prestasi kewangan koperasi. Antara kriteria yang diperlukan untuk sesebuah koperasi tersenarai sebagai salah satu daripada 100 Koperasi Terbaik di Malaysia termasuklah hasil pendapatan yang tinggi dan tadbir urus yang baik (Kasim, 2021).

Pada tahun 2020, KUSKOP telah memperkenalkan TransKoM 2021-2025 bagi memperkasakan Gerakan Koperasi di Malaysia sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan menerusi 5 Bidang Tujahan (Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), 2020). Salah satu daripada 5 bidang tujahan tersebut memfokuskan kepada pengukuhan bakat dan pembangunan modal insan. Bidang tujahan ini memfokuskan juga elemen kompetensi yang terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan sikap. Tambahan pula, ALK merupakan modal insan koperasi yang memegang jawatan terpenting dalam struktur koperasi dan mampu menentukan hala tuju serta mencorakkan kejayaan koperasi pada masa akan datang. Elemen ini perlu ada bagi mencapai tahap yang diperlukan oleh koperasi dan mempunyai hubung kait dengan kecekapan individu supaya mampu memberi kesan dalam pencapaian koperasi. Hal ini kerana, kompetensi ALK sangat berkait rapat dengan kejayaan koperasi dan seterusnya kepada lonjakan perolehan koperasi dari tahun ke tahun. IKMa sebagai pusat latihan bertanggungjawab dalam pembangunan modal insan koperasi bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dengan memberikan latihan dan program yang bersesuaian dan berfokus berasaskan kompetensi khusus yang diperlukan oleh ALK.

Namun, penyelidik mendapati kajian lepas agak terbatas dan kurang kajian berkaitan kompetensi ALK di Malaysia. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti jurang kompetensi ALK semasa berdasarkan 44 item kompetensi dan lima bidang tugas. Hasil penyelidikan berkaitan jurang kompetensi ini dapat memberikan langkah-langkah yang betul untuk diambil bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan ALK dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab seterusnya dapat meningkatkan prestasi koperasi secara menyeluruh. Kajian ini juga untuk membantu pihak berkaitan koperasi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) seperti SKM, IKMa dan ANGKASA untuk menyediakan keperluan program latihan yang berfokus dan bersesuaian dengan ALK. Tambahan pula, kajian ini bagi mengkaji kesukaran yang dihadapi oleh ALK melalui lima skop bidang tugas untuk meningkatkan prestasi dan kompetensi ALK di koperasi. Melalui kajian ini, agensi yang terlibat dapat merangka strategi dan membantu gerakan koperasi menambah baik kursus sedia ada yang disediakan agensi kepada ALK untuk meningkatkan prestasi ALK di koperasi.

Perbincangan berikutnya, menjelaskan perincian berkaitan kompetensi dalam sorotan kajian. Seterusnya, bahagian metodologi menerangkan rangka kerja bagi penyelidikan yang dijalankan. Bahagian analisis dan dapatan pula, membincangkan hasil analisis kajian. Manakala bahagian terakhir menerangkan rumusan dan cadangan kajian.

2. SOROTAN KAJIAN

2.1 Definisi Kompetensi

Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan untuk menjalankan tugas atau tanggungjawab (Abdullah, 2017; Din, Mohd Nor, Rashid, & Ibrahim, 2012; Fuad, 2016; Abdul Rahman, Zulkifli, Hashimee, Wazir, & Sayed, 2019; Triwani, Zulfadil, & Syapsan, 2020). Ia digambarkan sebagai satu ukuran yang menentukan pencapaian seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas atau tanggungjawab yang disandang (Ibrahim, Abdul Razak, & Kenayathulla, 2015). Hal ini turut disokong oleh Abbas (2018) yang menyatakan kompetensi merupakan kelayakan, kemampuan, kesanggupan, dan kecekapan seseorang untuk melakukan tugas. Ia merujuk kepada apa yang diperlukan oleh seseorang untuk melaksanakan kerjanya dengan baik (Ahmad & Ahmad Khalid, 2009) dan merupakan kebolehan seseorang untuk melaksanakan tugas serta mampu mempengaruhi prestasi individu dan organisasi (Shariff, 2015). Malahan, kompetensi juga dapat memberikan jangkaan prestasi yang positif kepada keberhasilan sesebuah organisasi (Baharuddin & Hashim, 2004; Campion, et al., 2011; Shippmann, et al., 2000).

2.2 Elemen Kompetensi Anggota Lembaga Koperasi

Model kompetensi menunjukkan gabungan kompetensi asas yang diperlukan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan hasil yang cemerlang (Abbas, 2018). Kompetensi asas adalah seperti berikut:

- i. **Pengetahuan:** Pengetahuan merujuk kepada pemahaman dan kesedaran tentang fakta, konsep, prinsip, teori, dan informasi dalam sesuatu bidang atau topik. Ia melibatkan kefahaman terhadap perkara yang berkaitan dengan bidang tugas ALK.
- ii. **Kemahiran:** Kemahiran merujuk kepada kebolehan untuk melaksanakan tugas, aktiviti, atau prosedur secara berkesan. Ia melibatkan kebolehan untuk mengaplikasikan pengetahuan dan melaksanakan aktiviti dengan sempurna.
- iii. **Sikap:** Sikap merujuk kepada cara individu memberi maklum balas atau bertindak dalam sesuatu situasi. Ia melibatkan aspek keperibadian, nilai, etika, dan moral yang mempengaruhi tingkah laku seseorang.

Berdasarkan hasil penelitian yang dilakukan oleh Din et al. (2012) terdapat beberapa bidang tugas yang telah digariskan untuk ALK dengan mengambil kira elemen kompetensi asas. Bidang tugas tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Pengurusan dan Pentadbiran:** Kompetensi ALK dalam bidang pengurusan dan pentadbiran melibatkan kemahiran dalam merancang, mengorganisasi, dan mengawal aktiviti-aktiviti penting dalam lembaga koperasi. ALK perlu memahami prinsip-prinsip pentadbiran yang berkesan, proses pengurusan sumber manusia, serta pengetahuan dalam pentadbiran kewangan dan undang-undang yang berkaitan.
- ii. **Pengurusan Kewangan:** Kompetensi ALK dalam bidang pengurusan kewangan merangkumi kemahiran dalam menyediakan dan menganalisis penyata kewangan,

memahami prinsip-prinsip perakaunan, serta menguruskan aspek-aspek kewangan yang berkaitan dengan operasi lembaga koperasi.


- iii. **Pengurusan Strategik:** Kompetensi ALK dalam bidang pengurusan strategik melibatkan kemahiran dalam merancang dan melaksanakan strategi-strategi yang akan membolehkan lembaga koperasi mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan. Ini termasuklah pemahaman terhadap persekitaran perniagaan, analisis pasaran, serta keupayaan untuk merancang strategi jangka panjang dan taktikal.
- iv. **Pengurusan Tadbir Urus:** Kompetensi ALK dalam bidang pengurusan tadbir urus merujuk kepada kemahiran dalam mengendalikan proses-proses administratif, termasuklah penyediaan dokumen, penyimpanan rekod, pengurusan fail, serta penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang berkaitan.
- v. **Pengurusan Perniagaan:** Kompetensi ALK dalam bidang pengurusan perniagaan merangkumi kemahiran menyediakan aturan aktiviti koperasi. Ini termasuklah kemahiran dalam pemasaran, jualan, perancangan produk, serta pemahaman terhadap isu-isu perniagaan yang berkaitan.

Dengan memiliki kompetensi ini, ALK akan dapat mengurus koperasi dengan baik dan mencapai kejayaan dalam operasinya.

2.3 Jurang Kompetensi Anggota Lembaga Koperasi

Jurang kompetensi secara umumnya merujuk kepada perbezaan atau kekurangan dalam pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan efektif (Le, Doan, Nguyen, & Nguyen, 2020; McGuinness & Ortiz, 2016). Jurang kompetensi boleh timbul akibat kurangnya latihan dan pembangunan kemahiran, ketidaksesuaian antara keperluan tugas dengan kemahiran yang ada, atau perubahan dalam persekitaran perniagaan yang memerlukan kemahiran baru (Kaur & Kumar, 2013).

Dalam konteks koperasi, hasil kajian lepas menunjukkan ALK mempunyai jurang kompetensi yang amat kritikal dalam beberapa bidang kompetensi seperti komunikasi, kerja pasukan, pemasaran dan pembangunan diri (Yaakub, 2015). Malahan dalam konteks koperasi sekolah juga menunjukkan tahap kompetensi ALK koperasi sekolah mempunyai jurang yang negatif, ia menunjukkan ALK koperasi sekolah tidak kompeten dalam setiap faktor kompetensi (Din et al., 2012). Hal ini juga dapat dilihat melalui kajian lepas luar negara yang menyatakan terdapat jurang kompetensi, terutamanya dalam bidang kewangan dan teknikal. Hasil kajian Dobbin & Jung (2011) mendapati tahap kompetensi dalam bidang kewangan adalah rendah. Selain itu, kajian Colomo-Palacios et al. (2013) terhadap jurutera perisian mendapati tahap kecekapan dalam bidang teknikal juga agak rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan latihan untuk pembangunan kompetensi ALK. Dengan menyediakan peluang latihan bagi pembangunan kompetensi, jurang kompetensi mungkin dapat ditangani dan mampu meningkatkan prestasi ALK.



Rajah 1: Kerangka Kajian

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini ingin meneliti jurang kompetensi semasa berdasarkan 44 item kompetensi dan lima bidang tugas. Pelaksanaan kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui pengedaran borang soal selidik. Kajian ini melibatkan 420 ALK dari koperasi yang berkluster sederhana dan kecil. Sebanyak 30 responden ALK dari setiap negeri dipilih menjadi responden dalam kajian ini berdasarkan ukuran saiz sampel dalam Model Rasch pada aras keyakinan 95% (Linacre, 1994). Menurut Said, Haron & Surat (2019), jumlah sampel ini mencukupi untuk menjadi penentu ukuran yang konsisten.

Kajian ini memfokuskan kepada tiga ALK yang memegang jawatan terpenting dalam koperasi iaitu pengerusi, setiausaha dan bendahari. Pendekatan soal selidik sendiri telah digunakan dalam kajian ini untuk memastikan data dapat dikumpulkan dengan cepat, tanpa memerlukan kos yang tinggi, efisien, dan tepat dalam menilai maklumat yang diberikan oleh setiap responden (Bryman & Bell, 2015).

Pembangunan instrumen soal selidik ini merupakan hasil borang soal selidik yang sedia ada daripada pembacaan jurnal dan diubah suai untuk mengukur konstruk. Bagi mengukuhkan soal selidik ini, penyelidik juga turut mendapatkan pengesahan daripada dua orang pakar rujuk dalam mengukur elemen kompetensi dan Model Pengukuran Rasch selepas instrumen dibangunkan. Untuk instrumen soal selidik kajian ini, 44 item kompetensi digabungkan kepada lima bidang tugas ALK: pengurusan dan pentadbiran (A), pengurusan kewangan (B), pengurusan strategik (C), pengurusan tadbir urus (D) dan pengurusan perniagaan (E). Soal selidik ini juga mengandungi tiga konsep asas kompetensi: pengetahuan (K), kemahiran (S) dan sikap (A). Seterusnya bagi memenuhi keperluan objektif kajian, analisis dijalankan menggunakan perisian Model Pengukuran Rasch dengan Winstep 5.2.20.

4. PERBINCANGAN ANALISIS KAJIAN

Dalam dapatan kajian ini, jurang kompetensi dianalisis berdasarkan tahap kesukaran berkaitan dengan 44 item kompetensi dan lima bidang tugas. Hasil penilaian analisis Rasch menunjukkan urutan kesukaran kompetensi daripada yang paling sukar hingga yang paling mudah untuk dilaksanakan. Analisis ini memberikan gambaran jurang kompetensi ALK di Malaysia berdasarkan subtopik:

4.1 Jurang Kompetensi Berdasarkan Tahap Kesukaran Berkaitan Dengan 44 Item Kompetensi

Jadual 1 menunjukkan senarai 44 item yang dikategorikan berdasarkan kompetensi asas iaitu pengetahuan (K), kemahiran (S), dan sikap (A). Berdasarkan min item, terdapat 26 item yang sukar dilaksanakan oleh ALK ($\text{logit} > 0.00$) dan memerlukan perhatian khusus. Hasil penelitian menunjukkan kemahiran merupakan tahap kesukaran tertinggi (36%), terdiri dari 16 item. Sementara itu, terdapat 18 item yang mudah dilaksanakan oleh ALK ($\text{logit} < 0.00$) dan kategori sikap merupakan yang paling mudah dilaksanakan iaitu sebanyak 11 item.

Jadual 1: Tahap Kesukaran Berdasarkan Kompetensi Asas

Kompetensi Asas	Item	Logit > 0.00	Logit < 0.00	Tahap Kesukaran
Kemahiran	19	16	3	36 %
Pengetahuan	13	9	4	21 %
Sikap	12	1	11	2 %
Jumlah	44	26	18	59 %

Berdasarkan Rajah 2, kategori kemahiran menunjukkan tiga item dengan tahap kesukaran tertinggi adalah mampu menjalankan aktiviti perniagaan melalui saluran digital 85.07% (logit 1.74), mengadaptasi teknologi dalam perekodan kewangan 78.75% (logit 1.31), dan menjalankan usaha sama dan jaringan perniagaan untuk meluaskan perniagaan 69.64% (logit 0.83). Seterusnya, kategori pengetahuan pula menunjukkan tiga item dengan tahap kesukaran tertinggi adalah mendapatkan sumber modal secara dalaman dan luaran 71.09% (logit 0.90), memahami fungsi penubuhan anak syarikat bagi aktiviti tertentu 68.14% (logit 0.76), dan menyediakan rekod atau dokumentasi mengikut arahan semasa 66.15% (logit 0.67). Manakala, kategori sikap menunjukkan satu item dengan tahap kesukaran tertinggi adalah berfikir dan bertindak seperti seorang usahawan 0.48% (logit 0.43).

Secara keseluruhan, jurang kompetensi tertinggi berada dalam kategori kemahiran, diikuti oleh pengetahuan dan sikap. Tiga item paling sukar dilaksanakan oleh ALK adalah menjalankan aktiviti perniagaan melalui saluran digital (item ES1), mengadaptasi teknologi dalam perekodan kewangan (item BS1), dan mendapatkan sumber modal secara dalaman dan luaran (item BK1). Manakala, tiga item paling mudah dilaksanakan oleh ALK adalah menjaga kerahsiaan dan keselamatan maklumat koperasi (item DA2), menjalankan tugas secara berpasukan (item AA2), dan bersikap jujur dalam menguruskan transaksi (item BA1).

Item STATISTICS: MEASURE ORDER

ENTRY NUMBER	TOTAL SCORE	TOTAL COUNT	MEASURE	MODEL S.E.	INFIT [MNSQ]	OUTFIT [MNSQ]	[PTMEASUR-AL] [CORR.]	EXACT MATCH [OBS% EXP%]	Item	
41	1167	420	1.74	.09	1.82	9.45	2.04 9.90	.60 .73	52.6 65.5	ES1_PERNIAGAAN_DIGITAL
15	1214	420	1.31	.10	1.55	6.64	1.68 7.39	.65 .72	63.0 67.0	BS1_APPS_KEWANGAN
13	1257	420	.90	.10	1.12	1.56	1.15 1.87	.68 .71	67.7 68.9	BK1_SUMBER_MODAL
42	1264	420	.83	.10	1.16	2.05	1.20 2.41	.69 .71	68.5 69.1	ES2_JARING_NIAGA
40	1271	420	.76	.10	1.35	4.36	1.37 4.21	.67 .71	62.8 69.4	EK3_ANAK_SYARIKAT
30	1280	420	.67	.10	.91	1.20	.91 -1.19	.75 .70	73.9 69.7	DK2_SEDIA_REKOD
16	1281	420	.66	.10	.92	-1.03	.89 -1.34	.73 .70	74.4 69.7	BS2_BELANJAWAN
24	1282	420	.65	.10	.80	-2.89	.79 -2.77	.76 .70	75.2 69.8	CS1_STRATEGI_PERNIAGAAN
7	1288	420	.59	.10	1.70	7.84	1.71 7.21	.60 .70	63.3 70.0	AS4_APPS_PENTADBIRAN
19	1290	420	.57	.10	.85	-2.09	.86 -1.82	.73 .70	73.2 70.0	BS5_MODAL_KERJA
6	1298	420	.49	.10	1.14	1.77	1.13 1.52	.64 .70	64.0 70.2	AS3_REKOD_FAIL
23	1302	420	.45	.10	.81	-2.73	.78 -2.88	.75 .70	77.4 70.3	CK2_ANALISIS_SHOT
43	1304	420	.43	.10	.93	-0.99	1.01 .89	.73 .70	69.7 70.3	EAL_MINDA_USAHAWAN
18	1310	420	.36	.10	.87	-1.86	.81 -2.33	.75 .70	73.0 70.4	BS4_PULANGAN_FAEDAH
33	1311	420	.35	.10	.80	-2.93	.78 -2.78	.76 .70	76.9 70.4	DS2_SKD_RISIKO
34	1313	420	.33	.10	.88	-1.70	.87 -1.58	.73 .70	73.7 70.5	DS3_MUJUD_KPI
14	1320	420	.26	.10	.82	-2.48	.79 -2.57	.74 .69	72.2 70.6	BK2_LAPORAN_KEWANGAN
17	1320	420	.26	.10	.80	-2.82	.78 -2.75	.74 .69	76.4 70.6	BS3_DAFTAR_ASET
26	1325	420	.21	.10	.74	-3.74	.71 -3.77	.76 .69	78.4 70.7	CS3_PELAN_TINDAKAN
31	1326	420	.20	.10	.92	-1.08	.88 -1.40	.74 .69	75.2 70.7	DS1_CANGGAH KEPENTINGAN
29	1327	420	.18	.10	.81	-2.76	.83 -2.04	.73 .69	74.9 70.7	DK1_STRUKTUR_PERUNDANGAN
3	1341	420	.03	.10	.97	-.41	.92 -.84	.70 .69	72.2 71.0	AK3_CARTA_ORGANISASI
22	1341	420	.03	.10	.70	-4.52	.69 -3.95	.76 .69	78.7 71.0	CK1_VISI_MISI
25	1341	420	.03	.10	.79	-3.01	.76 -2.92	.74 .69	73.7 71.0	CS2_KANAL_AKTIVITI
4	1342	420	.02	.10	1.03	.38	1.02 .22	.68 .69	71.2 71.0	AS1_KENDALI_MESYUARAT
39	1343	420	.01	.10	.92	-1.01	.88 -1.33	.72 .69	71.7 71.0	EK2_MANG_LEBIHAN
1	1351	420	-.07	.10	1.15	1.95	1.17 1.83	.64 .69	68.7 71.2	AK1_NILAI_KOPERASI
35	1359	420	-.16	.11	.83	-2.36	.78 -2.58	.71 .68	77.7 71.4	DS4_NILAI_PRESTASI
32	1362	420	-.20	.11	.89	-1.47	.83 -1.89	.71 .68	75.9 71.5	DK3_PANDANGAN_AUDIT
38	1365	420	-.23	.11	.72	-4.10	.67 -3.98	.75 .68	78.2 71.6	EK1_ATURAN_AKTIVITI
5	1369	420	-.27	.11	.87	-1.77	.92 -.80	.68 .68	74.7 71.6	AS2_DAFTAR_ANGGOTA
28	1379	420	-.39	.11	.68	-4.77	.63 -4.35	.73 .68	78.9 71.8	CA2_KERJA_BERKUALITI
21	1380	420	-.40	.11	1.05	-.69	1.05 -1.31	.65 .65	76.2 71.8	BA2_BERHEMAT_TEKUN
2	1384	420	-.44	.11	.85	-2.10	.84 -1.66	.70 .67	74.9 71.9	AK2_PRINSIP_KOPERASI
11	1408	420	-.72	.11	.94	-.80	.89 -1.00	.65 .66	75.2 72.5	AS5_MAKLUMAT_JELAS
12	1415	420	-.80	.11	.91	-1.21	.90 -.92	.64 .66	75.4 72.6	AA4_KANAL_EMOSI
36	1415	420	-.80	.11	.83	-2.37	.84 -1.55	.68 .66	75.9 72.6	DA1_PROAKTIF
44	1419	420	-.85	.11	.95	-.70	.98 -.14	.64 .66	75.9 72.8	EA2_TERIMA_TANGGUNGJWB
8	1423	420	-.90	.11	.96	-.56	.91 -.84	.64 .66	74.4 72.8	AA1_PROFESIONAL
19	1428	420	-.96	.11	.90	1.44	.88 -1.11	.65 .65	76.2 73.0	AA3_JALANGAN_TUGAS
27	1439	420	-1.09	.11	1.21	2.75	1.23 1.80	.57 .65	71.5 73.2	CA1_KEPUTUSAN_MAJORITI
20	1453	420	-1.27	.11	1.19	2.54	1.09 .74	.58 .64	68.5 73.7	BA1_BERSIKAP_JUJUR
9	1459	420	-1.34	.11	1.02	.28	.96 -.29	.60 .64	76.2 73.9	AA2_BERPASUKAN
37	1467	420	-1.44	.11	1.19	2.46	1.24 1.68	.55 .63	72.7 74.1	DA2_KERAHSIAAN
MEAN	1341.7	420.0	.00	.10	.98	-.41	.98 -.41	.66	72.6 71.0	
P.SD	64.7	.0	.70	.00	.24	3.06	.28 2.98	.66	5.2 1.6	

Rajah 2: Tahap Kesukaran bagi 44 Item Kompetensi

4.2 Jurang Kompetensi Berdasarkan Tahap Kesukaran Berkaitan Bidang Tugas Anggota Lembaga Koperasi (ALK)

Kajian ini juga menganalisis lima bidang tugas ALK dan menunjukkan jurang kompetensi berdasarkan tahap kesukarannya. Jadual 2 menunjukkan tahap kesukaran item tertinggi berdasarkan bidang tugas ALK ditemui berkaitan digitalisasi, terutama dalam bidang tugas pengurusan dan pentadbiran (item AS4), pengurusan kewangan (item BS1) dan pengurusan perniagaan (item ES1). Manakala, bidang tugas pengurusan strategik pula ALK menghadapi kesukaran dalam membangunkan pelan strategi perniagaan yang berfokus (item CS1) dan dalam bidang tugas tadbir urus, ALK menghadapi kesukaran dalam menyediakan rekod atau dokumentasi mengikut arahan semasa (item DK2). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dari lima bidang tugas ALK, terdapat tiga bidang yang menunjukkan kesulitan dalam menerapkan penggunaan teknologi.

Jadual 2: Hasil Pengukuran Tahap Kesukaran dalam Bidang Tugas ALK

Bil.	Bidang Tugas	Kod	Logit	%
<u>Pengurusan dan Pentadbiran</u>				
1.	Saya boleh menggunakan aplikasi teknologi dalam urusan pentadbiran koperasi (cth: Ms Office, Google Meet dll.)	AS4	0.59	64.34
<u>Pengurusan Kewangan</u>				
2.	Saya boleh mengadaptasi teknologi dalam perekod kewangan (Cth. Excel, Mr Accounting dll)	BS1	1.31	78.75
<u>Pengurusan Perniagaan</u>				
3.	Saya mampu menjalankan aktiviti perniagaan melalui saluran digital (Cth: shopee, lazada dll.)	ES1	1.74	85.07
<u>Pengurusan Strategik</u>				
4.	Saya membangunkan pelan strategi perniagaan yang berfokus.	CS1	0.65	65.70
<u>Pengurusan Tadbir Urus</u>				
5.	Saya mampu menyediakan rekod atau dokumentasi mengikut arahan semasa (cth suruhanjaya, LHDN dan dll)	DK2	0.67	66.15

Jadual 3 menunjukkan analisis keseluruhan terhadap tahap kesukaran dalam bidang tugas ALK. Dapatan kajian mendapati pengurusan kewangan merupakan bidang tugas yang paling sukar bagi ALK. Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan tahap amalan pengurusan kewangan meliputi aspek pengetahuan, kemahiran, perancangan dan pengalaman dalam bidang kewangan berada di tahap sederhana (Ahmad & Yusop, 2021; Sepeai & Ramli, 2019). Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ALK dalam bidang pengurusan kewangan (Byabashaija, Bernard, & Doreen, 2017; Koros, 2015).

Jadual 3: Tahap Kesukaran bagi Lima Bidang Tugas

Bidang Tugas	Item	Logit > 0.00	Logit < 0.00	Tahap Kesukaran
Pengurusan Kewangan	9	7	2	16 %
Pengurusan Perniagaan	7	5	2	11 %
Pengurusan Tadbir Urus	9	5	4	11 %
Pengurusan Strategik	7	5	2	11 %
Pengurusan & Pentadbiran	12	4	8	10 %
Jumlah	44	26	18	59 %

5. RUMUSAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, hasil analisis menggunakan Model Pengukuran Rasch menunjukkan item-item yang paling sukar dilaksanakan oleh ALK adalah menjalankan aktiviti perniagaan melalui saluran digital dan pengurusan kewangan merupakan bidang tugas yang paling sukar bagi ALK. Jurang kompetensi ini menunjukkan keperluan untuk menyediakan latihan dan bimbingan yang sesuai kepada ALK dalam membangun kompetensi mereka. Sekiranya jurang kompetensi sedia ada telah diketahui, tindakan susulan yang betul dapat diambil untuk memperbaiki kekurangan tersebut. Melalui peningkatan kompetensi ALK, koperasi dapat meningkatkan prestasi dan mencapai matlamat pembangunan ekonomi negara Malaysia, seperti yang diimpikan oleh Dasar Keusahawanan Negara (DKN2030).

Penemuan ini memberikan implikasi penting kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) untuk memperkuatkan gerakan koperasi melalui pemerksaan kompetensi ALK. Bagi memperbaiki jurang kompetensi, terdapat beberapa cadangan yang dapat dilakukan untuk meningkatkan kompetensi ALK dan prestasi koperasi secara keseluruhan:

- i. Menyediakan program latihan dan pembangunan: SKM, IKMa, dan ANGKASA perlu menyediakan program latihan yang sesuai dan berfokus untuk meningkatkan kompetensi ALK, terutama dalam bidang pengurusan kewangan dan penggunaan teknologi digital dalam perniagaan.
- ii. Meningkatkan kesedaran digital dan kemahiran teknologi: Program-program latihan perlu memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi dalam aktiviti perniagaan koperasi. ALK perlu diberi latihan untuk menggunakan aplikasi dan perisian yang relevan dalam urusan pentadbiran, perekodan kewangan, dan menjalankan perniagaan secara digital.
- iii. Membangunkan modul pengurusan kewangan yang spesifik: SKM dan IKMa boleh membangunkan modul latihan khusus dalam pengurusan kewangan untuk membantu ALK memahami prinsip-prinsip perakaunan, penyediaan penyata kewangan, dan pengurusan aspek kewangan dalam operasi koperasi.
- iv. Mewujudkan program mentor-mentee: Program mentor-mentee dapat membantu ALK yang kurang kompeten dalam bidang-bidang tertentu. ALK yang berpengalaman dan berkompeten boleh menjadi mentor kepada ALK yang memerlukan bimbingan dan nasihat dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab mereka.
- v. Meningkatkan komunikasi dan kerjasama antara koperasi: SKM, IKMa, dan ANGKASA perlu menggalakkan kerjasama antara koperasi untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan. Ini dapat dilakukan melalui bengkel, seminar, atau program pertukaran antara ALK dari koperasi yang berbeza.

Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam pemahaman jurang kompetensi ALK dalam konteks koperasi di Malaysia. Walau bagaimanapun, perlu diambil kira bahawa kajian ini melibatkan sampel terhad dan hanya melibatkan ALK dari koperasi berkluster sederhana dan kecil. Oleh itu, kajian lanjut yang melibatkan pelbagai jenis koperasi dan sampel yang lebih besar boleh dilakukan untuk mendapatkan gambaran yang lebih komprehensif.

Secara amnya, sumbangan kajian ini menekankan betapa pentingnya untuk memadankan kecekapan organisasi dengan matlamat strategiknya. Organisasi boleh meningkatkan prestasi keseluruhan dan kelebihan daya saing mereka dengan mengenal pasti dan memupuk kecekapan yang menyokong visi dan misi organisasi. Kebanyakan organisasi di seluruh dunia telah

menambah baik prosedur pengurusan bakat mereka dan meningkatkan prestasi individu dan pasukan melalui pendekatan yang sistematik dan komprehensif. Penyediaan rangka kerja untuk formulasi pelan pembangunan individu yang menyokong pendidikan berterusan dan kemajuan kerjaya dapat disediakan. Oleh itu, program untuk latihan dan pembangunan boleh dibuat dengan menyasarkan keperluan khusus ini, menghasilkan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Institut Koperasi Malaysia (IKMa) atas geran penyelidikan.

SUMBANGAN PARA PENULIS

SNAB dan NYH melaksanakan bahagian pengenalan dan sorotan kajian. AH dan AI mengumpul dan melakukan analisis data menggunakan model pengukuran Rasch. RCY menulis bahagian perbincangan metodologi dan analisis kajian. NINH dan NM menulis bahagian rumusan dan cadangan. Semua penulis membaca dan meluluskan manuskrip akhir.

KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada.

RUJUKAN

- Abbas, R. (2018). Interpersonal Competency of UMP'S Students: An Analysis. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(4), 106-121.
- Abdul Rahman, A., Zulkifli, M. S., Hashimee, M., Wazir, A., & Sayed, M. (2019). Tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK di Malaysia : satu dimensi. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16(2), 1-13.
- Abdullah, M. N. (2017). *Pengamalan Kompetensi dalam Kalangan Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Tamadun Islam. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved June 18, 2022, from <https://core.ac.uk/download/pdf/199242861.pdf>
- Ahmad, M., & Ahmad Khalid, A. (2009). *Pembangunan model kompetensi juruteknik (J17) di Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah*. Skudai: UTM Press. Retrieved from http://eprints.utm.my/id/eprint/14761/1/MariamAhmad2009_PembangunanModelKompetensiJuruteknik%28J17%29diMajlis.pdf
- Ahmad, N. A., & Yusop, N. M. (2021). Tahap Pengurusan Kewangan Di Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana Di Daerah Ketereh. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 3, 25-35.
- Baharuddin, P. N., & Hashim, H. H. (2004). Model Kompetensi Perkhidmatan Awam Malaysia *Jurnal Pengurusan Awam*, 2(1), 79-98. Retrieved from https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/24184/Article__7.PDF
- Brown, W. A. (2007). Board development practices and competent board members: Implications for performance. *Nonprofit Management and Leadership*, 17(3), 301-317. doi:10.1002/nml.151
- Bryman, A., & Bell, E. (2015). *Business Research Methods* (Vol. 4). Glasgow: Bell & Bain Ltd.

- Byabashaija, D., Bernard, M., & Doreen, B. (2017). Board Members Educational Levels and Financial Performance of Kyamuhunga Cooperative Societies, Bushenyi, Uganda. *Asian Journal of Business and Management*, 5(6), 241-245.
- Campion, M. A., Fink, A. A., Ruggeberg, B. J., Carr, L., Phillips, G. M., & Odman, R. B. (2011). Doing Competencies Well: Best Practices in Competency Modeling. *Personnel Psychology*, 64(1), 225–262. doi:10.1111/j.1744-6570.2010.01207.x
- Colomo-Palacios, R., Casado-Lumbreras, C., Francisco, J., García-Peñalvo, F. J., & Tovar-Caro, E. (2013). Competence Gaps in Software Personnel: A Multi-Organizational Study. *Computers in Human Behavior*, 29(2), 456–461. doi:10.1016/j.chb.2012.04.021
- Din, J., Mohd Nor, N., Rashid, R., & Ibrahim, M. Y. (2012). Analisis Kompetensi Anggota Lembaga Koperasi Sekolah Dalam 100 Buah Sekolah-Sekolah Gred A. In *Maktab Koperasi Malaysia*. Petaling Jaya: Co-operative Institute Malaysia. Retrieved from <https://www.ikma.edu.my/ms/awam/penerbitan/monograf-penyelidikan/1330-analisis-kompetensi-alk-sekolah-dalam-100-buah-sekolah-sekolah-gred-a>
- Dobbin, F., & Jung, J. (2011). Corporate Board Gender Diversity and Stock Performance: The Competence GAP or Institutional Investor Bias? *North Carolina Law Review*, 89, 809–838.
- Fuad, E. (2016). Pengaruh Kompetensi dan Motivasi Kerja Terhadap Kinerja Manajer Koperasi di Kabupaten Jepara. *The 3rd University Research Colloquium*, 217-226. Retrieved from <https://publikasiilmiah.ums.ac.id/bitstream/handle/11617/6735/20.%20Eko%20Nur%20Fuad.pdf?sequence=1>
- Ibrahim, M. S., Abdul Razak, A. Z., & Kenyathulla, H. B. (2015). *Strategi Implementasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kasim, R. (2021, March 6). Selamatkan Koperasi Tidak Aktif. *Sinar Harian Online*. Retrieved January 24, 2022, from <https://www.sinarharian.com.my/article/127169/berita/nasional/medac-selamatkan-koperasi-tidak-aktif>
- Kaur, J., & Kumar, V. (2013). Competency Mapping: A Gap Analysis. *International Journal of Education and Research*, 1(1), 1-9.
- Kawi, M. R. (2020, August 29). Koperasi sasar RM100 bilion menjelang 2030. *Berita Harian Online*. Retrieved Febrary 15, 2022, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/725966/koperasi-sasar-rm100-bilion-menjelang-2030-wan-junaidi>
- Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). (2020). *Transkom : Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025*. Petaling Jaya: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Retrieved from [https://www.skm.gov.my/images/Transkom/TRANSKOM%20\(25\).pdf](https://www.skm.gov.my/images/Transkom/TRANSKOM%20(25).pdf)
- Koros, W. K. (2015). Factors influencing board of management members' effectiveness in financial management in public secondary schools in Koibatek District, Kenya. University of Nairobi.
- Le, Q. T., Doan, T. H., Nguyen, Q. L., & Nguyen, D. T. (2020). Competency gap in the labor market: Evidence from Vietnam. *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 7(9), 697–706. doi:10.13106/JAFEB.2020.VOL7.NO9.697
- Linacre, J. M. (1994). Sample size and item calibration stability. *Rasch measurement transactions*, 7, 328.
- McGuinness, S., & Ortiz, L. (2016). Skill Gaps in the Workplace: Measurement, Determinants and Impacts. *Industrial Relations Journal*, 47, 47(3), 253-278. doi:10.2139/ssrn.2655318

- Said, M. M., Haron, Z., & Surat, S. (2019). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Literasi Pentaksiran Bilik Darjah Melalui Model Pengukuran Rasch. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (INSPEN 2018)* (pp. 24-35). Petaling Jaya: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Retrieved from <http://conference.kuis.edu.my/ispen/wp-content/uploads/2018/08/4.mazliana.pdf>
- Sepeai, N., & Ramli, Z. (2019). Entrepreneur Financial Management: A Case Study of KADA Entrepreneurs Kota Bahru, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(3), 1-12.
- Shariff, S. (2015). *Keperluan Latihan Berasaskan Kompetensi Kakitangan Barisan Hadapan Hotel Bajet, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pengurusan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Retrieved November 21, 2022, from <https://core.ac.uk/download/pdf/42921318.pdf>
- Shippmann, J. S., Ash, R. A., Carr, L., Hesketh, B., Pearlman, K., Battista, M., . . . Sanchez, J. I. (2000). The Practice Competency Modeling. *Personnel Psychology*, 703-740. doi:10.1111/j.1744-6570.200
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). (2022). *Perangkaan Gerakan Koperasi Malaysia*. Petaling Jaya: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- Triwani, S., Zulfadil, & Syapsan. (2020). Pengaruh Pengetahuan Perkoperasian, Kemampuan Manajerial, dan Kompetensi Kewirausahaan Terhadap Partisipasi Anggota Serta Dampaknya Terhadap Kinerja Koperasi Koperasi Karyawan di Kota Pekan Baru. *Jurnal Tepak Manajemen Bisnis*, 12(1), 187-202. Retrieved from <https://jtmb.ejournal.unri.ac.id/index.php/JTMB/article/view/7859/6790>
- Yaakub, A. R. (2015, May). *Keperluan Meningkatkan Keupayaan Modal Insan Dalam Gerakan Koperasi Malaysia*. Petaling Jaya: Maktab Koperasi Malaysia. Retrieved from <https://www.ikma.edu.my/en/public/publication/academic-writing/2229-keperluan-meningkatkan-keupayaan-modal-insan-dalam-gerakan-koperasi-malaysia>

BIOGRAFI PARA PENULIS

Rosmalina Che Yakzam ialah Pegawai Penyelidik di Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya, Selangor dalam bidang penyelidikan koperasi.

Norfaezah Mahmood ialah Pegawai Latihan di Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya, Selangor dalam bidang kewangan koperasi.

Nor Irzaq Nor Hamid ialah Pegawai Latihan di Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Petaling Jaya, Selangor dalam bidang pengurusan dan tadbir urus koperasi.

Azianti Ismail merupakan Profesor Madya di Kolej Pengajian Kejuruteraan, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor dalam bidang pengurusan operasi dan Model pengukuran Rasch.

Adila Hashim ialah Pegawai Latihan di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) zon selatan, Johor Bahru, Johor dalam perakaunan dan pengauditan koperasi.

Siti Nuraini Abu Bakar ialah Pegawai Latihan di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) zon selatan, Johor Bahru, Johor dalam bidang perakaunan dan pengauditan koperasi.

Nur Yazira Hamsan ialah Pegawai Latihan di Institut Koperasi Malaysia (IKMa) zon selatan, Johor Bahru, Johor dalam bidang perundangan dan strategik koperasi.